



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF ECONOMY, TRADE AND INDUSTRY

**SYARAT-SYARAT LESEN MEMPROSES IKAN (VESEL MEMPROSES IKAN)
DI BAWAH PERATURAN 8
PERATURAN-PERATURAN PERIKANAN (BANGUNAN MEMPROSES IKAN), 2002
AKTA PERIKANAN, PENGGAL 61
CONDITIONS OF FISH PROCESSING LICENSE (FISH PROCESSING VESSEL)
UNDER REGULATION 8
FISHERIES (FISH PROCESSING ESTABLISHMENTS) REGULATIONS, 2002
FISHERIES ACT, CHAPTER 61**

1. Lesen memproses ikan ini adalah khusus bagi aktiviti yang secara langsung berhubungkait dengan perusahaan pemprosesan produk perikanan yang dibenarkan sahaja di dalam vesel memproses ikan yang bernama
dengan bilangan pendaftaran
This fish processing license is specific to activities directly related to authorised fish processing business only inside the fish processing vessel named bearing the registration number
2. Lesen ini tidak boleh digunakan untuk vesel yang lain atau dijual, dipindah milik atau diberikan manfaatnya kepada orang lain.
This license shall not be used for any other fish processing vessel, or sold, transferred or its benefit assigned to any other person.
3. Pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesen ini di suatu tempat yang mudah dilihat di dalam vesel memproses ikan.
The licensee shall exhibit this license in a conspicuous place in the fish processing vessel.
4. Pemegang lesen hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis dari Pengarah Perikanan sebelum melaksanakan pengubahsuaian atau perubahan keatas ruang pemprosesan di vesel memproses ikan.
The licensee must obtain written permission from the Director of Fisheries before making any modifications or alterations to the processing area in the fish processing vessel.
5. Vesel memproses ikan yang digunakan adalah tidak dibenarkan untuk digunakan sebagai pengangkutan bagi mengeksport ikan keluar negeri.
The fish processing vessel shall not be used as transport for the export of fish overseas.
6. Vesel memproses ikan yang digunakan adalah tidak dibenarkan menjalankan aktiviti penangkapan ikan atau menempatkan sebarang peralatan menangkap ikan di dalam vesel berkenaan kecuali dengan kebenaran dari Jabatan Perikanan.
The fish processing vessel is not permitted to carry out fishing activities or to keep any fishing equipment in the vessel without permission from the Department of Fisheries.
7. Ikan yang diproses hendaklah yang ditangkap oleh vesel menangkap ikan yang mempunyai lesen alat menangkap ikan yang sah yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan, Negara Brunei Darussalam.



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF ECONOMY, TRADE AND INDUSTRY**

Processed fish must be caught by a fishing vessel with a valid fishing equipment licence issued by the Department of Fisheries, Brunei Darussalam.

8. Ikan yang telah diproses hendaklah didaratkan dan dipunggah di Jeti Kompleks Pendaratan Ikan atau tempat pemunggahan yang dibenarkan oleh Pengarah Perikanan.

The processed fish must be landed and unloaded at the Fish Landing Complex jetty or at another landing place authorised by the Director of Fisheries.

9. Pemegang lesen hendaklah memastikan vesel sentiasa dalam keadaan selamat seperti tidak tenggelam atau terbakar semasa bertambat di Kompleks Pendaratan Ikan.

The licensee shall ensure the vessel to be in a safe condition at all times such as not wrecked or burnt whilst berthing at the Fish Landing Complex.

10. Pemegang lesen hendaklah melaksanakan suatu program jaminan kualiti yang dibenarkan sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah Perikanan.

The licensee shall implement an approved quality assurance program as the Director of Fisheries may determine.

11. Pemegang lesen hendaklah dengan perbelanjaan sendiri, melaksanakan aktiviti pemunggahan ikan dari vesel memproses ikan keatas jeti Kompleks Pendaratan Ikan mengikut prosedur yang dibenarkan sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah Perikanan.

The licensee shall at his own expense, carry out the activities of unloading of processed fish from the fish processing vessel to the Fish Landing Complex jetty in accordance with such authorised procedure as may be determined by the Director of Fisheries.

12. Pemegang lesen hendaklah mematuhi "Manual of Brunei Darussalam on Hygiene Requirement(s) for Fishing Vessels and Landing Sites".

The licensee shall comply with the "Manual of Brunei Darussalam on Hygiene Requirement(s) for Fishing Vessels and Landing Sites".

13. Pemegang lesen hendaklah mematuhi "Manual of Brunei Darussalam on Hygiene Requirements for Fish Processing Establishments".

The licensee shall comply with the "Manual of Brunei Darussalam on Hygiene Requirements for Fish Processing Establishments".

14. Pemegang lesen hendaklah mematuhi "Manual of Brunei Darussalam on Hygiene Requirements for Fishery Products Export to European Union (EU)" bagi pengeksporan ke Kesatuan Eropah.

The licensee shall comply with the "Manual of Brunei Darussalam on Hygiene Requirements for Fishery Products Export to the European Union (EU)" for export to the European Union.

15. Pemegang lesen tidak boleh menjalankan atau mengadakan apa-apa lelongan atau jualan di atas vesel memproses ikan.

The licensee shall not conduct or hold any auction or sale on a fish processing vessel.



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF ECONOMY, TRADE AND INDUSTRY**

16. Pemegang lesen hendaklah memastikan setiap pekerja menjalani pemeriksaan kesihatan semasa ia mula-mula dilantik dan sekurang-kurangnya sekali setahun selepas itu dan disahkan sihat. Pekerja-pekerja mestilah bebas dari menghadapi sebarang penyakit berjangkit yang boleh mencemari produk yang diproses.
The licensee shall ensure that each employee undergoes a medical examination upon his appointment and at least once a year thereafter and is confirmed to be medically fit. Employees must be free from any communicable / infectious disease that may contaminate the processed product.
17. Pemegang lesen hendaklah mematuhi setiap arahan bertulis dari Pengarah Perikanan yang berkaitan dengan pengawalan dan pengurusan vesel memproses ikan yang dilesenkan termasuk menarik balik dan memberhentikan penjualan, pembekalan atau pengedaran produk yang dipercayai tercampur (*adulterated*), tercemar (*contaminated*) atau tidak sesuai untuk penggunaan manusia (*unfit for human consumption*).
The licensee shall comply with every written directive of the Director of Fisheries relating to the control and management of the licensed fish processing establishment, including withdrawal and discontinuation of the sale, supply or distribution of products believed to be adulterated, contaminated or otherwise unfit for human consumption.
18. Pemegang lesen hendaklah mendapatkan ikan untuk diproses dari sumber yang tidak melanggar Akta Perikanan, Penggal 61 atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.
The licensee shall obtain fish for processing from sources that do not contravene the Fisheries Act, Chapter 61 or any other written law.
19. Pemegang lesen hendaklah memastikan sebarang bahan atau barang atau sebarang proses yang digunakan adalah tidak bercanggah dengan 'Hukum Syara'.
The licensee shall ensure that any materials or ingredients or any process used are not in violation of 'Hukum Syara'.
20. Pemegang lesen hendaklah memastikan anjing atau binatang peliharaan lain tidak dipelihara atau ditempatkan di dalam atau di atas vesel memproses ikan.
The licensee shall ensure that dogs or other pets are not reared or kept in or on the fish processing vessel.
21. Pemegang lesen hendaklah membenarkan Pegawai Yang Diberikan Kuasa untuk memeriksa vesel, kelengkapan, operasi, penyimpanan, bahan-bahan, ikan proses, rekod atau untuk mengambil sampel untuk dianalisa, atau sebarang maksud lain yang berkaitan untuk memastikan bahawa sebarang kehendak atau sebarang syarat yang dikenakan telah dipatuhi.
The licensee shall allow Authorised Officers to inspect the premises, equipment, operation, storage, materials, processed fish, records or to take samples for analysis, or any other relevant purposes to ensure that any requirements of, or any license conditions imposed have been complied with.



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF ECONOMY, TRADE AND INDUSTRY**

22. Pemegang lesen hendaklah menyediakan dan menghantar dalam tempoh yang ditetapkan kepada Jabatan Perikanan laporan-laporan berikut :-

The licensee shall prepare and submit within the period stipulated by the Department of Fisheries the following reports:

- a. data pengeluaran bulanan vessel memproses ikan pada setiap minggu pertama bulan berikutnya; dan
a monthly production data of the fish processing vessel within the first week of the following month; and
- b. laporan atau maklumat lain yang dikehendaki oleh Jabatan Perikanan.
any report or other information required by the Department of Fisheries.

23. Pemegang lesen hendaklah mencatat rekod kegiatan harian vesel memproses ikan bagi tujuan pemeriksaan oleh Pegawai-Pegawai Jabatan Perikanan.

The licensee shall keep a record of the daily activities of the fish processing vessel for the purpose of inspection by Fisheries Officers.



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF ECONOMY, TRADE AND INDUSTRY**

Nota :-

Note :-

- Pengarah Perikanan berhak untuk menambah atau mengubah syarat-syarat ini mengikut keperluan dari masa ke semasa.
The Director of Fisheries shall have the right to add or vary the conditions of the licence as and when required.
- Sebarang perubahan kepada syarat-syarat ini akan dimaklumkan dari masa ke semasa.
Any changes to these conditions shall be notified from time to time.
- Vesel memproses ikan itu hanya dibenarkan untuk beroperasi jika Pemegang Lesen telah mempunyai Lesen yang sah dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan.
The fish processing vessel is only permitted to operate if the Licensee has a valid license issued by the Department of Fisheries.
- Lesen ini adalah sah mulai dari tarikh ianya dikeluarkan bagi tempoh satu (1) tahun.
This licence shall be valid from the date of issue for a period of one (1) year.
- Permohonan bagi membaharui lesen ini boleh dihadapkan sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum lesen itu mansuh.
Application to renew this license may be submitted at least one (1) month prior to its expiration.
- Lesen boleh ditarik balik atau digantung pada bila-bila masa jika didapati mana-mana syarat lesen atau peruntukan Akta Perikanan, Penggal 61 tidak dipatuhi.
The license may be revoked or suspended at any time if there has been a breach of any of the conditions of the licence or any of the provisions of the Fisheries Act, Chapter 61.
- Kegagalan mematuhi syarat-syarat lesen adalah merupakan satu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah Akta Perikanan (Penggal 61) serta pindaan dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda sehingga **\$10,000** atau **penjara satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali**.
Failure to comply with the conditions of the licence is an offence and action may be taken in accordance with the Fisheries Act (Chapter 61) and upon conviction is liable to a fine not exceeding B\$10,000 or imprisonment of one (1) year or to both.



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF ECONOMY, TRADE AND INDUSTRY

Saya dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat yang tersebut di atas.
I hereby agree with the terms and conditions as stated above.

Nama : _____
Name

Jawatan : _____
Designation

Syarikat dan Alamat : _____
Company and Address


No. Kad Pengenalan : _____
Identity card No.

No. Telefon : _____ (pejabat) _____ (hp) _____ (faks)
Telephone No. **(office)** **(mobile phone)** **(fax)**

Emel : _____
Email

Tandatangan : _____
Signature

Tarikh : _____
Date



=====

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT
FOR ADMINISTRATIVE USE

Pegawai Yang Diberikuasa :
Authorised Officer

Nama : _____
Name

Jawatan : _____
Designation

Tandatangan : _____
Signature

Tarikh : _____
Date

